

### **\*Rencana Pengarang\***

pertunjuk kepada cita-cita kita yang ikhlas, baik dan murni ini.

### **Didukacitakan**

Di dalam suatu perjumpaan, Sultanah Kedah telah menitahkan perasaan dukacitanya bahawa di kalangan rakyat – rakyat Islam – telah timbul perpecahan disebabkan oleh berlain-lainan faham politik sehingga satu golongan dengan golongan yang lain tidak lagi mahu tandang-bertandang dan sudah jadi seakan-akan sekandang tak sebau. Keadaan ini tidak dapat dinafikan adanya semenjak daripada adanya dua aliran politik di dalam kalangan mereka – UMNO dan PAS.

Pengikut-pengikut kedua-dua aliran politik ini, adalah sentiasa sempit pandangannya. Mereka tidak dapat mengikuti jejak langkah pemimpin-pemimpin mereka yang di suatu sidang bertentang dengan hebatnya tetapi di luar dari sidang itu bersahabat sebagai seorang kawan – pertentangan mereka hanya di dalam fahaman dan perjuangan ideologi politik tidak di dalam peribadinya.

Tetapi walau bagaimanapun, apabila memerhati dua badan itu badan Melayu tentu perasaan-perasaan timbul di dalam masyarakat kedua-dua golongan itu di dalam kesedaran politiknya. Ini dapat dilihat daripada teguran-teguran yang dibuat oleh ahli-ahli UMNO sendiri di dalam Sidang Agung UMNO baru-baru ini yang menunjukkan ada di antara ahli-ahli itu tidak puas hati atas langkah-langkah yang nampaknya dibuat bahawa PAS adalah menjadi sasaran yang utama untuk diserang, lebih daripada badan-badan pembangkang yang lain pada hal PAS itu parti Islam dengan

sendirinya memperjuangkan hak Melayu seperti yang diperjuangkan oleh UMNO masa ia ditaja dahulu.

Golongan-golongan ini mungkin melihat betapa himpitan-himpitan dibuat ke atas kerajaan PAS di Kelantan jika mereka membuat perincian ke atas dasar-dasar yang

### **Pengumuman Penting**

Berhubung dengan peraturan-peraturan dan kelambatan mendapat permit percetakan serta kesibukan dalam urusan memindahkan pejabat kita ke ibu kota Malaysia – Kuala Lumpur – maka dengan amat dukacita kita maklumkan kepada para pembaca sekalian, bahawa majalah Qalam pada bulan Oktober, November dan Disember 1967 yang lalu tidak dapat kita terbitkan.

Maka mulai dari bilangan 207 – keluaran bulan Januari 1968 ini majalah Qalam dengan riang gembiranya mengunjungi para pembaca dan peminat-peminatnya di seluruh tanah air, dan inilah julung-julung kali majalah Qalam diterbitkan di ibu kota Malaysia. Disebalik itu kita berdukacita bahawa majalah Qalam mulai dari keluaran ini telah diharamkan oleh kerajaan Republik Singapura daripada diedarkan dijual dan dibahagikan di tempat ia dilahirkan dahulu. – Pengarang.

dibuat membantu kerajaan negeri di Malaysia Timur – dan kerana itu mungkin mereka setelah memerhatikan soal ini lalu mereka mengeluarkan perasaan “kemelayuannya” supaya serangan-serangan sesama Melayu itu tidak sekeras itu sangat.

Tetapi sifat-sifat kemelayuan itu,

yang difaham daripada ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin agong UMNO, tidak dapat lagi dipakai dan digunakan kerana dengan sifat sebagai parti pemerintah mereka mungkin takut perjuangan yang seumpama itu semata-mata akan meruntuhkan dan “akan menimbulkan perpecahan dan perbalahan” sebab konsep perjuangan UMNO hendaklah mengikut aliran Perikatan yang membawa satu rupa bangsa “*Malaysian*” sebagaimana jelas dinyatakan oleh pemimpin-pemimpin itu bahawa perjuangan kemelayuan yang 40 atau 50 tahun dahulu tidak dapat lagi diperjuangkan sekarang – dan mungkin dengan sebab itu, kerana konsep perjuangan PAS selain menegakkan hak-hak agama dan kemelayuan akan merosakkan tujuan yang diperjuangkan oleh Perikatan sekarang dan mungkin pula yang demikian itu akan menghidupkan “sentimen kemelayuan” yang mudah menyala dan bakal merosakkan dasar-dasar siyasah Perikatan yang berjalan dengan lancarnya sekarang. Dengan sebab itu dasar-dasar PAS dan perjuangannya mestilah ditentang mereka supaya sentimen kemelayuan itu tidak timbul.

Apa kesudahan daripada pertentangan ini – tidaklah dapat kita ketahui dan tidak dapat kita mengagaknya tetapi akibat yang kita nampak dan kita lihat perpecahan di dalam kalangan umat Islam, disebabkan kancah politik mungkin menjadi-jadi terutamanya dalam masa menghadapi pilihan umum yang akan datang. Orang-orang yang di luar dari badan-badan politik merasa berdukacita akan adanya perpecahan itu sebab dengan perpecahan itu anasir-anasir asing akan bermaharajalela di dalam kebudayaan dan masyarakat Islam untuk meruntuhkan kekuatan dan keimanan umat Islam.